



BULETIN

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

Edisi Jan-Mac 2012 Bil 1/2012

ISSN 2229-8657

Antara Paparan Menarik

Majlis Pelancaran Program
Publisiti dan Penyertaan Awam
bagi Rancangan Tempatan Daerah
(RTD) Kerian 2020, Rancangan
Tempatan Daerah Kuala Kangsar
2020 dan Rancangan Tempatan
Daerah Hilir Perak 2020

Publisiti Awal dan *Focus Group
Discussion* (FGD) Rancangan
Kawasan Khas Kawasan
Perindustrian Sg. Choh 2020

Majlis Perasmian Program
Bandar Selamat Negeri Johor
2012 dan Lawatan Kerja Inisiatif
Bidang Keberhasilan Utama
Negara (NKRA) di Majlis
Perbandaran Kulai, Johor oleh
YAB Timbalan Perdana Menteri

Lawatan Kerja Program Bandar
Selamat YB Menteri Perumahan
dan Kerajaan Tempatan Bersama
Media ke Taman Tun Dr. Ismail
(TTDI)



www.townplan.gov.my

KANDUNGAN

Perkara

	Muka Surat
Majlis Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Kerian 2020, Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2020 dan Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2020	1
Perhimpunan Awal Tahun 2012	1
Sesi <i>Teach-In</i> Laman Gerbang MURNInets	2
Perhimpunan Bulanan Jabatan bagi Bulan Februari Bersempena Sambutan Maulidur Rasul 1433 Hijrah	3
Kunjungan Hormat oleh YABrs. Tuan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandaraya Islam (MPKB – BRI)	4
Taklimat Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke-2 di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (KPIAT)	4
Publisiti Awal dan 'Focus Group Discussion' (FGD) Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian Sg. Choh 2020	5
Lawatan Kerja ke Pelabuhan Kuantan untuk Kajian Rancangan Kawasan Khas Bandar Tok Bali	5
Majlis Perasmian Program Bandar Selamat Negeri Johor 2012 dan Lawatan Kerja Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di Majlis Perbandaran Kulai, Johor oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia	6
Bengkel Pengukuhan Inovasi dan Kreativiti Jabatan	7
Lawatan Kerja Program Bandar Selamat YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bersama Media ke Taman Tun Dr. Ismail (TTDI)	8
Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara ke-15 (Bil.1/2012)	9
Lawatan Teknikal Pegawai-Pegawai Perancang Bandar Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar, Sarawak	10
Mesyuarat Agung PERSADA Ke-XVII	11
Kajian Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan Wilayah Persekutuan Labuan	12
Kajian Rancangan Wilayah bagi Koridor Sungai Muar – Linggi	12
Koleksi Buku-Buku Terkini (Jan – Mac 2012) di Perpustakaan JPBD SM	12
Status Kemajuan Rancangan Struktur Negeri / Rancangan Tempatan / Rancangan Kawasan Khas Sehingga Mac 2012	13

Perutusan Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersua kembali pada keluaran Edisi 1 iaitu Januari hingga Mac 2012 ini.

Penerbitan buletin ini bertujuan untuk menyampaikan berita berkaitan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksana oleh setiap Bahagian di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia (JPBD SM).

Sebagai peneraju ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan manusia yang berkualiti dan mampan, Jabatan terus beriltizam melaksanakan fungsi dan peranan dengan memberikan komitmen dalam mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan. Amalan budaya mesra pelanggan dalam melaksanakan aktiviti hebahan dan promosi Jabatan akan dapat memastikan perkhidmatan yang disediakan sentiasa disenangi dan memuaskan pelanggan.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada Bahagian Korporat khususnya dan semua warga kerja JPBD SM amnya di atas komitmen yang diberikan bagi menjayakan penerbitan buletin kali ini.



DATO' MOHD. FADZIL BIN HAJI MOHD. KHIR

Ketua Pengarah

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

SIDANG REDAKSI

Penasihat:

YBhg. Dato' Mohd. Fadzil Bin Haji Mohd. Khir
Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia

Ketua Editor:

Cik Rohani Binti Md. Hashim
Pengarah Bahagian Korporat
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia

AHLI

Pn. Wardiyah Binti Senik @ Abdul Mokhti
Ketua Penolong Pengarah

En. Muhammad Syafiq Bin Norsisan
Pegawai Perancang Bandar dan Desa

Pn. Asmariah Binti Ahmad
Penolong Pegawai Tadbir

Pn. Norhasimah Binti Samin
Juruteknik Perancang Bandar dan Desa

Pn. Amutha a/p Vinayagam
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)

En. Clement Anak Mathew
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)

Pejabat Projek Zon Tengah

Majlis Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Kerian 2020, Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2020 dan Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2020

12 Januari 2012

Majlis Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi RTD Kerian, RTD Kuala Kangsar dan RTD Hilir Perak telah diadakan pada 12 Januari 2012 di Hotel Impiana, Ipoh, Perak. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mah Hang Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kerajaan Tempatan, Hal Ehwal Pengguna, Alam Sekitar, Pengangkutan dan Hal Ehwal Bukan Islam Negeri Perak mewakili Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak.

Majlis Pelancaran ini adalah bersempena Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi ketiga-tiga RTD tersebut yang telah diadakan bermula pada 27 Disember 2011 sehingga 28 Januari 2012 yang lalu. Ketiga-tiga draf RTD ini merupakan Rancangan Tempatan yang terakhir disiapkan bagi Negeri Perak. Ianya telah disemak oleh orang ramai di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat serta Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Perak disepanjang tempoh program publisiti yang telah dijalankan.



Bahagian Korporat

Perhimpunan Awal Tahun 2012

19 Januari 2012

Perhimpunan Awal Tahun Jabatan telah diadakan pada 19 Januari 2012 (Khamis) di Auditorium Tan Sri Dato' K. R. Soma, Wisma Tun Sambanthan dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd. Fadzil Bin Haji Mohd. Khir, Ketua Pengarah JPBD SM.

Seramai 280 warga JPBD SM telah menghadiri majlis perhimpunan ini bagi mendengar amanat YBhg. Dato' Ketua Pengarah berkaitan pencapaian Jabatan sepanjang tahun 2011- serta cabaran tahun 2012 yang perlu dihadapi oleh warga JPBD dalam usaha untuk memastikan Jabatan menuju ke arah transformasi yang diharapkan oleh Kerajaan Malaysia.





Di majlis ini juga, Pelan Tindakan Inovasi JPBD SM turut dilancarkan. Ianya diadakan selaras dengan Pelan Tindakan Inovasi Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan yang telah dilancarkan pada 11 November 2011. Pelan tersebut mengandungi 6 strategi dan 20 langkah yang digubal untuk meningkat dan memperkasakan program inovasi di peringkat Jabatan. Bagi menjayakan program inovasi berkenaan, Budaya Kerja 10K telah dilancarkan yang merangkumi penambahan 2 amalan kerja iaitu kreativiti & inovasi serta kesegeraan. Budaya kerja 10K ini perlu menjadi amalan semua warga Jabatan di dalam melaksanakan tugas harian yang diamanahkan.



Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

Sesi *Teach-In* Laman Gerbang MURNInets

9–10 Februari 2012

Satu Sesi *Teach-In* Laman Gerbang MURNInets telah diadakan pada 9 hingga 10 Februari 2012 di Makmal Komputer Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP). Sesi *Teach-In* ini telah diketuai oleh Encik Mohd Faizalnizam bin Md. Zain, Pegawai Perancang Bandar dan Desa, BPP dengan kerjasama Seksyen Teknologi Maklumat (STM) yang diwakili oleh Puan Siti Fairuz binti Mar Ramli, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat JPBD.

Seramai 10 orang pegawai dan kakitangan BPP telah diberi pendedahan dan pengetahuan mengenai aplikasi gerbang MURNInets yang baru untuk dikendalikan sepenuhnya oleh petugas MURNInets semasa diperingkat pelaksanaannya kelak. Semasa Sesi *Teach-In* berkenaan, tiga (3) perkara utama telah dibincangkan iaitu:

- Aplikasi Gerbang MURNInets versi baru;
- Penstrukturan semula proses analisis; dan
- Kaedah kemasukan data dan penjanaan laporan kemampuan bandar.



Bahagian Perundangan Kawal Selia Perancangan

Perhimpunan Bulanan Jabatan Bagi Bulan Februari Bersempena Sambutan Maulidur Rasul 1433 Hijrah

16 Februari 2012

Perhimpunan Bulanan Jabatan bagi bulan Februari telah diadakan pada 16 Februari 2012 (Khamis) di Auditorium Tan Sri Dato' K. R. Soma, Wisma Tun Sambanthan. Perhimpunan diadakan bersempena Sambutan Maulidur Rasul 1433 Hijrah peringkat Jabatan yang bertemakan 'Persefahaman Asas Perpaduan Ummah'. Seramai 282 orang warga JPBD SM (Ibu Pejabat) dan JPBD Negeri telah hadir ke perhimpunan tersebut dan ianya turut diserikan dengan kehadiran Ketua Pengarah JPBD SM.



Perhimpunan Bulanan Jabatan telah dimulakan dengan persembahan multimedia dan disusuli dengan penyerahan *booklet* Sistem *Star Rating* kepada Pengarah-Pengarah Bahagian dan JPBD Negeri. Bersempena bulan kelahiran YBhg. Dato' Ketua Pengarah, acara memotong pulut kuning turut diadakan bagi meraikan harijadi beliau serta pegawai dan kakitangan yang dilahirkan di dalam bulan Februari.



Program Sambutan Maulidur Rasul 1433 Hijrah telah dimulakan dengan bacaan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. dan persembahan multimedia berkaitan kisah kehidupan Baginda Rasulullah S.A.W. Satu ceramah agama bertajuk 'Rasul Ikutan Umat' turut diadakan dan telah disampaikan oleh Ustaz Tuan Haji Zakaria Bin Haji Mohamed, Ketua Imam Masjid Ar-Rahimah, Kampung Pandan, Kuala Lumpur.



Bahagian Korporat

Kunjungan Hormat oleh YABrs. Tuan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI)

17 Februari 2012

YBhg. Dato' Ketua Pengarah telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang DiPertua MPKB - BRI, Tuan Haji Fauzi bin Mat bersama 3 orang pegawai terdiri daripada Setiausaha MPKB-BRI, Pengarah Perancang Bandar MPKB-BRI dan Ketua Penolong Pengarah Perancang Bandar MPKB-BRI pada 17 Februari 2012 di Bilik Ketua Pengarah JPBD SM.

Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk berkongsi pandangan dan mendapatkan input terkini berkaitan aktiviti/program di JPBD SM terutama di dalam aspek penyediaan prasarana dan kemudahan berkaitan Program Bandar Selamat.



Bahagian Rancangan Fizikal Negara

Taklimat Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke-2 di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (KPIAT)

21 Feb 2012

Taklimat ini merupakan Program Hebahan RFN yang telah dirancang untuk tahun 2012. Bahagian Rancangan Fizikal Negara (BRFN) melalui JPBD SM telah dijemput oleh pihak KPIAT untuk menyampaikan taklimat RFN Ke-2 kepada Jabatan dan Agensi di bawah KPIAT seperti Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan. Taklimat ini bertujuan untuk memberi pemahaman lanjut berkenaan RFN ke-2 sebagai salah satu publisiti bagi pelaksanaan RFN ke-2.

Selain taklimat yang disampaikan oleh Pengarah BRFN, sesi soal jawab turut berlangsung. Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) JPBD SM, En. Kamalruddin bin Shamsuddin telah turut sama memberikan penerangan dan ulasan terhadap beberapa persoalan yang dikemukakan oleh para hadirin.



Pejabat Projek Zon Tengah

Publisiti Awal dan 'Focus Group Discussion' (FGD) Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian Sg. Choh 2020

27 Februari 2012

Publisiti Awal dan FGD bagi Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian Sg. Choh 2020 telah diadakan di Kelab Golf, Bukit Beruntung Hulu Selangor dan dipengerusikan oleh Tuan Haji Tukiman Bin Nail, Yang DiPertua Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS). Program ini diadakan hasil kerjasama antara MDHS, JPBD Negeri Selangor serta JPBD SM. Ianya bertujuan untuk mendapatkan dan mengenalpasti isu, potensi serta cadangan di kawasan kajian daripada agensi teknikal, penduduk dan orang awam.



Pejabat Projek Zon Timur

Lawatan Kerja ke Pelabuhan Kuantan untuk Kajian Rancangan Kawasan Khas Bandar Tok Bali, Kelantan

5 Mac 2012

Seramai 15 orang pegawai telah menyertai Lawatan Kerja ke Pelabuhan Kuantan bertujuan untuk mendengar taklimat dan melihat aktiviti-aktiviti pembangunan Pelabuhan Kuantan. Maklumat yang diperolehi hasil dari lawatan kerja ini digunakan untuk penyediaan Kajian Rancangan Kawasan Khas Bandar Tok Bali, Kelantan.



UNIT KHAS NKRA BANDAR SELAMAT

Majlis Perasmian Program Bandar Selamat Negeri Johor 2012 dan Lawatan Kerja Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di Majlis Perbandaran Kulai, Johor oleh YAB Timbalan Perdana Menteri

6 Mac 2012

Program Bandar Selamat adalah satu daripada 55 inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah yang dilaksana di semua 151 PBT di Malaysia dari tahun 2010 sehingga 2012. Pada 6 Mac 2012, Majlis Perasmian Program Bandar Selamat Negeri Johor 2012 dan Lawatan Kerja Inisiatif NKRA di Majlis Perbandaran Kulai, Johor telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Majlis berkenaan telah mendapat sambutan hangat dengan kehadiran seramai 2,500 orang jemputan. Semua 15 PBT Negeri Johor, Kementerian Dalam Negeri, Bomba, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), KEJORA dan Jabatan Penerangan Malaysia turut terlibat dalam pameran semasa majlis perasmian tersebut. Majlis ini dihoskan oleh JPBD, KPKT dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor, Majlis Perbandaran Kulai dan Kementerian Dalam Negeri.



Lawatan kerja juga diadakan bertujuan untuk membawa YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia melihat sendiri tapak pelaksanaan langkah-langkah bandar selamat seperti rel penghadang, cermin keselamatan, motosikal berkunci dan CCTV di Majlis Perbandaran Kulai di bawah inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah.

Di majlis perasmian tersebut, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin berkata "Menjelang tahun 2020, dianggarkan 65(%) penduduk Semenanjung Malaysia akan mendiami kawasan bandar. Walau bagaimanapun, proses urbanisasi di seluruh pelusuk dunia juga sering diiringi dengan peningkatan kadar jenayah. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM218 juta sejak 2010 untuk melaksanakan langkah-langkah berimpak tinggi dalam Program Bandar Selamat. Langkah-langkah tersebut membabitkan Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dari Laluan Bermotor, Pemasangan Cermin Keselamatan, *Closed-Circuit Television* (CCTV), Pencahayaan, Penggera Keselamatan dan Pemetaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) Jenayah. Langkah-langkah ini merupakan *low lying fruits* yang signifikan untuk membanteras jenayah di kawasan *hotspot*.

Sehubungan itu, 15 PBT di Negeri Johor telah menerima sebanyak RM26.1 juta sehingga Disember 2011. Semua PBT tersebut telah:

- menyediakan 88 CCTV yang dipantau di bilik kawalan di setiap PBT dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD);
- membina rel penghadang dan mengasingkan 13km laluan pejalan kaki dari kenderaan bermotor;



- iii. memasang 281 cermin keselamatan di liku lorong bangunan; dan
- iv. memasang atau menaik taraf 909 lampu jalan.

Di kawasan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) khususnya, 680 meter rel penghadang telah dibina, 16 CCTV telah beroperasi serta 8 cermin keselamatan dan 30 lampu jalan baru telah dipasang atau dinaik taraf.

Hasil usaha-usaha terperinci tersebut, kadar jenayah jalanan Negeri Johor pada 2011 khususnya telah dapat diturunkan sebanyak 14.4(%) berbanding tahun 2010 manakala kadar jenayah berat telah menurun sebanyak 15.5(%) dalam pada masa yang sama. Kadar pengurangan ini adalah jauh lebih baik daripada kadar pengurangan purata negara yang masing-masing adalah 7.7(%) bagi jenayah jalanan dan 10.2(%) bagi jenayah berat. Namun begitu, Kerajaan tidak hanya berpuas hati dengan pencapaian ini, dan akan terus mempergiatkan lagi langkah Program Bandar Selamat. Oleh itu sebanyak 108 CCTV, 965 lampu jalan serta 1,500 tempat letak motosikal berkunci serta lain-lain langkah kini sedang giat dirancang untuk dilaksanakan di bandar-bandar di Negeri Johor pada tahun ini.



Bahagian Korporat

Bengkel Pengukuhan Inovasi dan Kreativiti Jabatan 12 – 14 Mac 2012

Bengkel Pengukuhan Inovasi dan Kreativiti Jabatan telah diadakan dari 12 – 14 Mac 2012 di Teluk Dalam Resort, Pulau Pangkor dan telah dihadiri oleh 31 orang peserta. Bengkel ini bertujuan untuk membincangkan hala tuju dan langkah-langkah untuk memperkasakan program inovasi Jabatan. Ini diadakan selaras dengan transformasi perkhidmatan awam dan usaha Jabatan bagi meningkatkan pembudayaan inovasi kepada semua warga JPBD.



UNIT KHAS NKRA BANDAR SELAMAT

Lawatan Kerja Program Bandar Selamat YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bersama Media ke Taman Tun Dr. Ismail (TTDI)

17 Mac 2012

Pada 17 Mac 2012, Lawatan Kerja Program Bandar Selamat YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama media ke Taman Tun Dr. Ismail telah diadakan susulan lawatan turun padang pada 17 Oktober 2011 yang lalu.

Lawatan ini adalah ekoran daripada arahan YAB Perdana Menteri semasa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 April 2011 untuk menjadikan TTDI sebagai projek perintis *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) dan Program Bandar Selamat. Hasilnya Pelan Tindakan Program Bandar Selamat TTDI telah disediakan dan dipersetujui dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Jun 2011.

Pelan tindakan ini dilaksanakan oleh empat (4) *stakeholders* iaitu Persatuan Penduduk TTDI, Pemaju Naza TTDI Sdn. Bhd., Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang merangkumi : -

- i. 150 tiang lampu jalan sedia ada telah dinaiktaraf antara 150 *watt* sehingga 250 *watt*;
- ii. 1 lampu limpah telah dipasang di Padang Rahim Kajai;
- iii. 2.1 kilometer laluan pejalan kaki telah diasingkan dari laluan bermotor dengan rel penghadang;
- iv. 180 meter pagar perimeter dipasang di sempadan TTDI dengan Sungai Penchala termasuk tambahan penyediaan *curb* jalan;
- v. 2 redaan trafik dibina di kawasan Jalan Burhanuddin Helmi dan 1 di Jalan Leong Yew Koh;
- vi. Penutupan 2 akses keluar masuk di Jalan Burhanuddin Helmi dengan 43 unit tonggak jalan;
- vii. Pemasangan 8 cermin keselamatan untuk meningkatkan tahap penglihatan di kawasan *blind spot* di sekitar bank, lorong belakang dan lorong sisi serta 3 papan tanda talian kecemasan tajaan pemaju Naza TTDI Sdn. Bhd.;
- viii. 2 buah CCTV sedia ada telah beroperasi semula dan dipantau oleh IPD Sri Petaling;
- ix. Sistem Pemantauan Bandar Selamat atau pemetaan GIS jenayah telah dibangunkan bagi Balai Polis TTDI dan mula beroperasi sejak 1 Januari 2012;
- x. Rondaan Bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) / Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) / Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) / *Scoliosis Research Society* (SRS) – *High Visibility* dengan menggunakan *Multi-Purpose Vehicle* (MPV), motosikal, 4-in-1 *patrolling*, kuda, balai polis bergerak dan *high profile policing* bermula sejak 14 Disember 2011;
- xi. Persatuan Penduduk telah menubuhkan 1 daripada 5 skim Rukun Tetangga iaitu di Zon Abang Haji Openg kerana sukar mendapat kerjasama secara sukarela daripada penduduk TTDI; dan
- xii. DBKL memutihkan 1 daripada 3 *guarded neighbourhood* yang telah dikemukakan kerana gagal mendapatkan 80(%) persetujuan penduduk sekitar TTDI.



Sasaran

- i. Penurunan indeks jenayah keseluruhan sebanyak 50(%) daripada indeks jenayah bulan April 2011 (35 kes) pada akhir Jun 2012. Pada Februari 2012, indeks jenayah TTDI telah menurun sebanyak 25.7(%) (26 kes sebulan) berbanding dengan April 2011(35 kes sebulan);
- ii. DBKL telah menyiapkan semua tindakan CPTED kecuali pemasangan 5 buah CCTV baru (dalam proses tender);
- iii. Pemaju Naza TTDI Sdn. Bhd. telah memasang cermin keselamatan dan papan tanda talian kecemasan; dan
- iv. Penglibatan penduduk TTDI masih kurang memberangsangkan dari aspek penubuhan Rukun Tetangga dan mendapatkan persetujuan 80(%) penduduk untuk proses pemutihan *Guarded Neighbourhood*.



Peruntukan Program Bandar Selamat 2012

YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri KPKT juga telah mengumumkan peruntukan Program Bandar Selamat 2012 bagi seluruh negara iaitu sebanyak RM110 juta untuk melaksanakan projek-projek berikut :

- i. RM92.0 juta telah disedia dan diagihkan kepada 151 PBT seluruh negara bagi melaksanakan langkah Program Bandar Selamat iaitu Pencahayaan, Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dari Laluan Bermotor, Cermin Keselamatan, Papan Tanda, Penggera Keselamatan dan Tempat Letak Motosikal Berkunci;
- ii. RM13.0 juta diperuntukkan untuk membangunkan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) Fasa 3 melibatkan 19 PBT dan 152 balai polis baru; dan
- iii. RM5.0 juta untuk pemasangan 496 CCTV di 25 PBT.

Bahagian Rancangan Fizikal Negara

Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-15

20 Mac 2012

Mesyuarat MPFN ke-15 ini telah berlangsung di Aras 3, Bilik Mesyuarat Perdana, Seri Perdana. Ia telah dipengerusikan oleh YAB. Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.



Antara intipati ucapan YAB Perdana Menteri ialah mengenai prestasi ekonomi negara yang mantap di mana defisit fiskal tahun 2011 telah menurun kepada 50(%) daripada KDNK berbanding 5.6(%) pada tahun 2010. Beliau turut memaklumkan peri pentingnya pembangunan hijau atau green growth bagi memelihara kemampanan bandar.

Sebanyak 2 kertas kerja untuk mendapatkan persetujuan dan 1 kertas kerja untuk mendapat nasihat telah dibentangkan iaitu:

- i. Cadangan Pemakaian Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau dan Pemakluman *Low Carbon Cities Framework and Assessment System*;
- ii. Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN); dan
- iii. Cadangan Pembangunan Perindustrian dan Perniagaan Yang Dimiliki Oleh Tetuan NPO Land Sdn. Bhd. dan Tetuan Cekap Unggul Sdn. Bhd., Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan.



Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

Lawatan Teknikal Pegawai-Pegawai Perancang Bandar Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar, Sarawak

23 Mac 2012

Jabatan telah menerima kunjungan Pegawai-Pegawai Perancang Bandar Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar, Sarawak pada 23 Mac 2012 di Bilik Perbincangan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Tingkat 13, Wisma UOA, Damansara. Lawatan berkenaan telah dihadiri oleh enam (6) orang Pegawai Perancang Bandar yang diketuai oleh YBhg. Datu Abang Kassim Bin Zawawi yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan garis panduan piawaian perancangan serta peruntukan undang-undang yang digunapakai dalam cadangan pembangunan *Gated and Guarded Community* di Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu, satu taklimat berkaitan Garis Panduan *Gated Community and Guarded Neighbourhood* yang disampaikan oleh Dr. Alias Bin Rameli, Ketua Unit Penilaian Dasar dan Penyelidikan Antarabangsa telah diadakan bagi berkongsi idea dan pandangan berkaitan perkara berkenaan.



PERSADA

Mesyuarat Agung PERSADA Ke-XVII

26 Mac 2012

Mesyuarat Agung Ke-XVII Persatuan Pegawai Perancang Bandar dan Desa (PERSADA) telah diadakan dengan jayanya pada 26 Mac 2012 (Isnin) di Puteri Resort, Ayer Keroh, Melaka. Mesyuarat berkenaan telah dihadiri seramai 112 orang ahli yang berdaftar dengan PERSADA yang terdiri daripada Pegawai Perancang Bandar yang bertugas sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri atau PBT. Selain itu, seramai 20 orang pegawai yang tidak berdaftar sebagai ahli juga turut hadir.

Antara program/aktiviti yang telah diadakan di mesyuarat berkenaan ialah:

- i. Satu sesi ceramah bertajuk 'Meransang Minda Yang Kreatif dan Inovatif'.
- ii. Perbincangan cadangan program/aktiviti tahun 2012 bagi perkara-perkara berikut:
 - a. Jamuan Makan Malam Sempena Mesyuarat Pegawai Perancang (Jun 2012);
 - b. Kejohanan Bowling Terbuka (Jun 2012);
 - c. Bengkel Penyediaan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP)
 - d. Kursus Pemahaman Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) (November 2012)
- iii. Pendaftaran enam (6) orang ahli PERSADA baru iaitu:
 - a. YBhg. Dato' Hamisah Binti Ariffin (ahli pesara)
 - b. Pn. Zaidar Binti Din (JPBD Melaka)
 - c. En. Adi Iskandar Zulkarnain Bin Nordin (BRFN)
 - d. Cik Nur Faizah Binti Abd. Wahid (JPBD Melaka)
 - e. En. Mohd. Azuan Bin Ngadimi (JPBD Melaka)
 - f. Pn. Norsalina Binti Hashim (Unit Rancangan Pembangunan Johor Bahru)



Bahagian Perancangan Wilayah

Kajian Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan Wilayah Persekutuan Labuan

Mesyuarat / Program	Tarikh
Program Publisiti Draf Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan Labuan	27 Dis 2011 – 10 Feb 2011
Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan Bil.1/2012	12 Mac 2012
Mesyuarat Laporan Bantahan dan Siasatan Tempatan dan Memuktamadkan Laporan Draf Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan Labuan	21 – 23 Mac 2012




Kajian Rancangan Wilayah Bagi Koridor Sungai Muar – Linggi

Mesyuarat / Program	Tarikh
Lawatan Tapak Kajian Rancangan Wilayah Bagi Koridor Sungai Muar – Linggi	13 – 15 Mac 2012



PERPUSTAKAAN JABATAN

Koleksi Buku-Buku Terkini (Jan – Mac 2012) di Perpustakaan JPBD Semenanjung Malaysia




Title : *Cities for People*
 Editor : Jan Gehl
 Publisher : Island Press
 Date of pub. : 2010
 Call Number : 307.1 GEH
 Summary : This book elaborates on many Gehl's seminal ideas, examines some of the world's cities that have successfully improved over the last few decades, and states the challenges for the future.



Title : *Climate Change and Sustainable Urban Development in Africa and Asia*
 Editor: Belinda Yuen, Asfaw Kumssa
 Publisher : Springer ; Singapore Institute of Planners
 Date of pub. : 2011
 Call Number : 363.7095 CLI
 Summary : This book is about African and Asian cities. The book brings together a rich collection of papers by leading scholars and practitioners in Africa and Asia to offer empirical analysis and up-to-date discussions and assessments of the urban challenges and solutions for their cities.



Title : *Facilitating Groups*
 Author : Jenny Rogers
 Publisher : Open University Press
 Date of pub. : 2010
 Call Number : 658.4022 ROG
 Summary : This book is for anyone who is or wants to be a facilitator. It is a book of practice and aimed at practitioners. It describes how to behave as a facilitator and how to deal with the many common challenges that this role presents





Title : *Asian Leadership: What Works*
 Author : Dave Ulrich, Robert Sutton
 Publisher : Mc Graw Hill
 Date of pub. : 2011
 Call Number : 658.4092095 ASI
 Summary : This book describes the valuable insights and lessons gleaned from individual leaders and the organisations they lead. It identifies eight success factors and action domains that Asian leaders need to have and master in order to steer the organisations.

Unit Penyelarasan Projek

Status Kemajuan Rancangan Struktur Negeri / Rancangan Tempatan / Rancangan Kawasan Khas Sehingga Mac 2012

STATUS KEMAJUAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (RSN) Sehingga MAC 2012




SUMBER: Unit Penyelarasan Projek JPBSM/MAC2012


Rancangan Struktur Negeri	R M K	Bilangan RSN	Peringkat Kemajuan		Peringkat Pewartaan		Peringkat Kemajuan
			Dalam Penyediaan	Siap	Dalam Proses Warta	Warta	
Perlis	9	1	-	1	-	-	Kelulusan semula JPN pada MAC 2012.
Kedah	8	1	-	-	-	1	Warta No. 68 pd. 03/02/2011.
Pulau Pinang	8	1	-	-	-	1	Warta No. 286 (Jil. 51 No. 13 Tambahan No. 1) pd. 28/06/2007.
Perak	8	1	-	-	-	1	Warta No. 495 (Jil. 61 Bil. 8) pd. 10/04/2008.
Selangor	8	1	-	-	-	1	Warta No. 1541 (Jil. 60 No. 12 Tambahan No. 3) pd. 14/6/2007.
Negeri Sembilan	8	1	-	-	-	1	Warta (No. 668) pd. 16/8/2007.
WP. Kuala Lumpur	8	1	-	-	-	1	Warta (PSKL 2020) PUB 423 pd. 04/11/2004.
Melaka	8	1	-	-	-	1	Warta No. 705 (Jil. 49 No. 21) pd. 13/10/2006.
Johor	8	1	-	-	-	1	Warta (J.P.U. 20, Jld. 54 No. 13) pd. 24/06/2010.
Pahang	8	1	-	-	-	1	Warta (Jil.60 No. 1281) pd. 22/11/2007.
Terengganu	8	1	-	-	-	1	Warta (No. 51 Jil. 60 No. 3) pd. 01/02/2007.
Kelantan	8	1	-	-	-	1	Warta (No. 1 Jil. 62) pd. 01/01/2009.
Jumlah		12	0	1	0	11	

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH RMK9/RMK10

Status Kemajuan Rancangan Tempatan Daerah Sehingga MAC 2012




NEGERI	BILANGAN RTD	SIAP DRT	WARTA
PERLIS	1	1	-
KEDAH	11	1	10
PULAU PINANG	4	4	-
PERAK	15	4	11
SELANGOR	13	-	13
WILAYAH PERSEKUTUAN	1	1	-
NEGERI SEMBILAN	7	-	7
MELAKA	3	-	3
JOHOR	8	1	7
PAHANG	11	1	10
KELANTAN	10	5	5
TERENGGANU	7	-	7
JUMLAH	91	18	73



SUMBER: Unit Penyelarasan Projek JPBSM/MAC2012

RANCANGAN KAWASAN KHAS

Status Kemajuan Rancangan Kawasan Khas Sehingga MAC 2012



- Rancangan Kawasan Khas (2008)
- Rancangan Kawasan Khas (2009)

STATUS KEMAJUAN RKK	
1. RKK Siap Warta	: 15
2. RKK Belum Warta	: 7
3. RKK Yang Digugurkan	: 1
JUMLAH	: 23

	NAMA KAJIAN	PENYEDIAAN	PUBLISITI	WARTA
1	RKK PUSAT BANDAR KANGAR	08.11.07-11.06.08	09.09.09 - 08.10.09	
2	RKK BANDAR BARU PADANG BESAR	19.12.07-11.09.08	-	
3	RKK PEMBANGUNAN PUSAT PELANCONGAN PEKAN KOTA, DAERAH KUALA MUDA	08.11.07-21.07.08	20.01.09 - 17.02.09	
4	RKK PEMBANGUNAN KAWASAN PUSAT PERDAGANGAN ALOR SETAR	01.06.08-14.12.08	03.05.10 - 09.06.10	
5	RKK BALIK PULAU - GENTING - PULAU BETONG, DAERAH BARAT DAYA	19.12.07-20.07.08	-	
6	RKK KAWASAN WARISAN BANDAR TAIPING	15.11.07-27.03.08	12.09.08 - 31.10.08	Warta No.1265 pada 20/07/2010
7	RKK MATANG - KUALA SEPEANG	04.12.07-05.05.08	12.09.08 - 31.10.08	Warta No.1266 pada 20/07/2010
8	RKK PELAKSANAAN PROJEK PTB, KG PULAU MERANTI, DAERAH SEPANG	mula kajian 01.04.07	TIADA PUBLISITI	Projek DIGUGURKAN
9	RKK BANDAR PELABUHAN KLANG 2015	04.10.07-16.04.08	27.11.08 - 26.12.08	Warta No.1567 pd. 27/05/2010
10	RKK PUSAT BANDAR KUALA KUBU BHARU 2015	04.10.07-16.07.08	15.12.08 - 14.1.09	Warta No. 1568 pd. 27/05/2010
11	RKK PELANCONGAN LEMBAH BIO, JELEBU	23.04.07-23.11.07	10.11.08 - 12.12.08	Warta No. 635 pd. 28/10/2010
12	RKK RANTAU	23.04.07-23.11.07	06.11.08 - 05.12.08	Warta No. 634 pd. 28/10/2010
13	RKK PELAN PENGURUSAN KAWASAN PEMULIHARAAN BANDAR MELAKA	19.12.07-09.09.08	22.12.08 - 18.01.09	
14	RKK PEMBANGUNAN HANG TUAH JAYA	24.07.07-17.03.08	08.05.08 - 07.06.08	Warta No. 43 pd. 03/02/2011
15	RKK PELAN PELAKSANAAN PROJEK PTB KG SKUDAIKIRI	17.08.07-08.09.08	TIADA PUBLISITI	
16	RKK PERMAS KECIL, KUKUP, PONTIAN	04.10.07-11.04.08	24.01.09 - 23.02.09	Warta No. 66 pd. 07/07/2011
17	RKK PUSAT PENGANGKUTAN BANDAR SENAI	04.10.07-03.04.08	14.08.08 - 13.09.08	Warta No. 25 J.P.U 75 Jld. 54
18	RKK SUNGAI LEMBING	04.12.07-15.06.08	19.08.08 - 18.09.08	Warta No. 46 pd. 21/01/2010
19	RKK KUALA LIPIS	08.11.07-15.05.08	26.08.08 - 25.09.08	Warta No. 1241 pd. 10/09/2010
20	RKK KUALA BESUT	08.11.07-27.07.08	17.08.08 - 16.09.08	Warta No. 1100 pd. 08/10/2009
21	RKK TEPUH, BATU ENAM, KUALA TERENGGANU	08.11.07-26.07.08	17.08.08 - 16.09.08	Warta No. 1101 pd. 08/10/2009
22	RKK PEMBANGUNAN TASIK KENYIR	mula kajian 27.07.09	25.04.10 - 24.05.10	Warta No. 320 pd. 31/03/2011
23	RKK PEKAN JELAWAT, BACHOK	08.11.07-26.02.08	2.11.08 - 1.12.08	Warta No. 437 pd. 17/03/2011

Rancangan Kawasan Khas (RKK) Yang Disediakan Oleh JPBD Negeri.

	NAMA KAJIAN	PENYEDIAAN	PUBLISITI	WARTA
A	RKK BESTARI JAYA 2004 - 2040	-	24.07.04 - 24.08.04	Warta No. 1547 pada 14/06/2007

Rancangan Kawasan Khas (RKK) Yang Disediakan Secara "In House".

	NAMA KAJIAN	PENYEDIAAN	PUBLISITI	WARTA
B	RKK PANTAI CHENANG, LANGKAWI	25/01/2010	09.12.11 - 05.01.12	-